

09 MAY 2001

PERDANA MENTERI LAWAT SABAH 19 MEI

KOTA KINABALU, 9 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan dua hari ke Sabah mulai 19 Mei.

Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat berkata Perdana Menteri dijadual merasmikan kongres tahunan Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), satu daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah, pada 20 Mei.

Dr Mahathir dijangka tiba pada petang 19 Mei dan akan mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri pada sebelah malam, kata Chong kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet negeri di sini hari ini.

-- BERNAMA

IZA RON